

# ‘Usah berpuas hati, tambah baik kualiti perkhidmatan awam

Anwar gesa kakitangan kerajaan laksana amanah sebaiknya demi rakyat dan negara

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan penjawat awam perlu sentiasa berusaha memperbaiki diri serta menambah baik perkhidmatan awam dan bukan sekadar berpuas hati dengan yang sudah dilakukan.

Perdana Menteri berkata, kejayaan pembangunan negara bergantung kepada kesungguhan pemimpin dan pegawai dalam melaksanakan tanggungjawab.

“Usaha tambahan adalah keperluan utama bagi memastikan kerja kita bukan sekadar memenuhi kuota atau formaliti, tetapi memberi makna sebenar kepada rakyat.

“Penyelenggaraan, adakah kita lakukan sebaiknya? Adakah yang kita berikan nanti benar-be-

nar mampu untuk mengangkat negara ini dalam membela nasib mereka yang tersisih?

“Namun saya bangga, keseluruhan kita (penjawat awam) berjaya menjadikan negara kita sesuatu yang lebih baik.

“Saya pantau dan lihat kesungguhan yang dilakukan oleh penjawat awam. Contohnya Kampung Angkat MADANI. Saya lihat mereka bergelut dan bersungguh-sungguh untuk menjayakannya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Simposium Pembangunan dan Anugerah Pembangunan Negara 2025 semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

## Perlu lebih penambahbaikan

Sementara itu Shamsul Azri berkata, keseluruhan prestasi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan tahun ini kurang memberangsangkan dan memerlukan lebih banyak penambahbaikan.

Beliau berkata, daripada peruntukan RM85.87 bilion mem-

babitkan 9,524 projek, sebanyak RM64.03 bilion sudah dibelanjakan dengan purata nasional sebanyak 74.56 peratus.

“Daripada jumlah ini, hanya 16 kementerian berjaya melepasi tahap purata nasional. Justeru, saya meminta supaya setiap Ketua Setiausaha Kementerian dapat mengadakan mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian seperti yang dijadualkan.

“Saya juga minta Jabatan Kerja Raya dapat melihat dan mengkaji semula kaedah pelaksanaan projek fizikal ini supaya dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan berkesan,” katanya.

Shamsul Azri turut meminta penjawat awam membuat perediaan rapi dalam membantu kerajaan yang sedang melangkah ke Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) yang bertemakan ‘Melakar Semula Pembangunan’ bagi tempoh 2026 hingga 2030.

“Kita perlu menjadi lebih tangkas dan inovatif dalam menggembelng segala usaha bagi menjayakan lebih 120 strategi dan lebih 600 inisiatif yang digariskan.

“Iltizam yang jitu, anjakan pemikiran serta sinergi yang utuh di antara agensi pusat dan kementerian ialah kunci utama agar RMKe-13 dapat direalisasikan dengan jayanya,” katanya.